



Tangani sampah marin dengan tuntas, elak kerosakan serius ekosistem laut

Oleh Ercy Gracella Ajos - April 5, 2023 @ 6:20pm
bhnews@bh.com.my



Abentin (enam kiri) menerima cendera hati daripada Zawawi (lima kiri) selepas sesi webinar di UMS. - Foto UMS

KUALA LUMPUR: Isu pencemaran sampah marin perlu ditangani dengan tuntas menerusi pelbagai cara bagi membendung kerosakan terhadap ekosistem marin, termasuk menjadi ancaman serius terhadap organisma, ekonomi dan kesihatan masyarakat.

Justeru, kesedaran orang ramai dan kempen berterusan antara usaha yang boleh digembleng bersama bagi membendung mudarat sampah terus berleluasa mencemari perairan laut dalam negara.

Penyelidik Marin Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Abentin Estim berkata hasil tinjauan yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Marin Borneo di beberapa kawasan persisiran dan perairan marin Sabah mendapati terdapat sampah marin mikro di dalam beberapa organisma marin termasuk ikan.

Beliau berkata, antara lokasi yang ditinjau termasuk Pesisiran Pantai Kota Kinabalu (Tg. Aru, Tg. Lipat, ODEC UMS, Kg. Kibagu), Pantai SCCA (Silam Coastal Conservation Area, Lahad Datu), Pulau Mantanani Besar dan Kecil, Kota Belud, Taman Laut Tunku Abdul Rahman (Pulau Sapi dan Pulau Sulug) dan Pulau Sepangar.

"Selain itu, tinjauan turut dilaksanakan di Pulau Gaya, Pulau Sebatik, Tawau, Pesisir Pantai Teluk Marudu, Kota Marudu.

"Sampah marin adalah isu pencemaran global yang semakin membimbangkan kerana mengakibatkan kerosakan terhadap ekosistem marin selain menjadi ancaman serius terhadap organisma marin serta turut beri kesan kepada ekonomi dan kesihatan masyarakat amnya.

"Biasanya sampah marin dijumpai di kawasan pesisiran pantai, terapung di permukaan laut, di dalam turus air atau mendap di dasar," katanya dalam Program webinar 3S STEM Speaker Series anjuran U Science UMS, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua U-Science UMS, Zawawi Tiyunin.

Webinar itu diadakan bersempena Program 3S: Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Speaker Series U-Science UMS dengan sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI), Sabah.

Program 3S itu juga adalah sebahagian daripada Karnival Sains Sabah 2023 yang bertujuan membudayakan STEM. Selain itu, U-Science juga akan mengadakan 23 lagi webinar dalam pelbagai tajuk berkaitan STEM sepanjang tahun ini.

Abentin menerusi webinar itu turut berkongsi beberapa kajian pelajar berkaitan dengan sampah marin mikro dalam organisma marin.

Katanya, sampah marin adalah bahan buangan yang masuk ke persekitaran laut atau perairan marin yang terdiri daripada bahan-bahan plastik, kertas, kaca, besi, pakaian, kayu, polistirin dan lain-lain.

"Sampah marin (SM) boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu SM Makro (bersaiz melebihi 20 milimeter (mm)), SM Meso (bersaiz 5 – 20 mm) dan SM Mikro (bersaiz kecil daripada 5 mm).

"Justeru, Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS akan terus berusaha mengembleng tenaga bersama orang ramai dalam memberi kesedaran dan mengadakan kempen berterusan bagi membendung mudarat sampah marin daripada terus berleluasa mencemari perairan laut khususnya perairan laut Sabah," katanya.